

Headline

Idola Mudahkan Pelajar Sekolah

Date

22. Jun 2008

Media Title

Mingguan Malaysia

Section

Megabait

Circulation

483240

Readership

1810000

Language

MALAY

Page No

12

Article Size

403 cm²


Frequency

Daily

Color

Full Color

Idola mudahkan pelajar sekolah



OLEH
**MOHAMMAD YASIR
JAAFAR**

KEJAYAAN serta sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai di atas kehadiran komputer tablet buatan tempatan "PC makcik" sebelum ini mendorong MIMOS Berhad (MIMOS) untuk menghasilkan dua lagi model komputer tablet iaitu Jen-ii dan yang terbaru merupakan model Idola.

Sebelum ini, kewujudan PC makcik yang disasarkan penggunaannya terhadap penduduk luar bandar itu adalah bertujuan untuk merapatkan jurang digital antara penduduk di kawasan bandar.

Oleh yang demikian, melihat kepada permintaan yang menggalakkan itu, MIMOS telah membuat peningkatan dan penambahbaikan terhadap PC makcik dan sekali gus memperlihatkan penghasilan model Jen-ii.

Jen-ii yang dilancarkan November tahun lalu itu pula disasarkan bagi kegunaan suri rumah berusia 35 tahun ke atas di kawasan luar bandar.

Penerapan aplikasi ringkas terhadap Jen-ii itu membuatkan ia mudah untuk dikendalikan oleh sesiapa sahaja secara tidak langsung menepati kriteria bagi digunakan oleh kumpulan sasar.

Lanjutkan kepada usaha menyahut seruan kerajaan dalam menghasilkan masyarakat berteknologi maklumat (IT), MIMOS sekali lagi mengambil inisiatif dalam membangunkan model komputer tablet terbarunya Idola.

Model Idola yang lengkap dibangunkan dalam masa 13 minggu itu pula disasarkan penggunaanya bagi golongan usia muda dan pelajar sekolah.

Selain itu, baru-baru ini, MIMOS bergabung tenaga bersama-sama FTEC System Sdn. Bhd. dengan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi memperkembangkan inisiatif perpindahan teknologi (TOT).

Menerusi kerjasama itu, FTEC dipertanggungjawabkan untuk mengkomersialkan Idola serta menambah bantuan fungsi komputer tablet tersebut.

Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS, Datuk Abdul Wahab Abdullah, tujuan utama perpindahan teknologi

ini dijalankan adalah untuk memberi hak dan kebenaran kepada FTEC mengkomersialkan teknologi serta produk yang dibangunkan oleh MIMOS.

"Tepat dan selari dengan masyarakat, model Idola ini merupakan produk yang baik untuk FTEC memperkembangannya seterusnya dijadikan sebagai perkakas yang mampu digunakan di sekolah-sekolah."

"Ia juga akan menjadi kunci kepada menerapkan bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam membudayakan generasi muda menjadi cekik IT," katanya selepas menandatangani MoU bersama-sama FTEC di ibu pejabatnya baru-baru ini.

Dalam pada itu, Idola yang hanya mempunyai berat 800 gram itu dikatakan hadir dengan aplikasi yang mudah dan sangat sesuai untuk dikendalikan oleh golongan berusia muda.

Pemprosesan

Lebih menarik, ia dianjurkan menggunakan pemprosesan terkini Intel Atom yang dikatakan menjimatkan tenaga dan terbaik dalam prestasinya.

Idola juga dilengkapi dengan sambungan jalur lebar tanpa wayer, Bluetooth serta hadir dengan khidmat sambungan Internet IPv6.

Melalui IPv6, sambungan dan capaian Internet dikatakan lebih pantas dan luas berbanding IPv4.

Gabungan semua ini membolehkan pelajar melayari Internet dan melakukan tugas di mana saja mereka berada.

Tidak didatangkan dengan papan kekunci, Idola menggunakan skrin sentuh bagi aplikasinya serta papan kekunci lembut (soft keyboard).

Namun, bagi mereka yang mahu menggunakan papan kekunci fizikal, terdapat port USB atau bluetooth untuk menyambungnya.

Kehadiran port USB pada Idola juga membolehkan komputer tablet itu diselaraskan dengan pelbagai gajet lain.

Walaupun belum berada di pasaran, harga runcit Idola ditawarkan kepada pengguna adalah pada RM960.

Kehadiran Idola ini secara tidak langsung akan memperkembangkan generasi yang mampu menjadi pemangkin kepada industri ICT negara.

